

'Jihad bukan bermusuh sesama Islam'

BH 4 OCT 2000

Daripada Azman Abdul Hamid

LONDON, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jihad sebenar bagi umat Islam pada alaf baru ialah membina sebuah negara Islam yang mantap dalam pentadbiran dan stabil dalam semua bidang lain, termasuk politik.

Perdana Menteri sebaliknya menegaskan, jihad bukan bermakna bermusuh sesama Islam, iaitu satu tafsiran yang sering digunakan sesetengah pihak dalam politik untuk kepentingan sendiri.

"Kita percaya, jika kita dapat membina sebuah negara Islam yang rasional, cekap dalam pentadbiran, sains dan teknologi, perdagangan dan industri, stabil dalam politik, sosial dan agama, kita dapat mengemukakan wajah sebenar Islam. Inilah jihad kita," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta umat Islam supaya tidak terpesong dengan tafsiran jihad seperti yang dicanangkan sesetengah pihak yang berkepentingan politik.

"Orang Islam menggunakan pelbagai alasan untuk berjihad. Mereka tidak pernah memikirkan sejauh mana kukuhnya perjuangan mereka yang hanya melemahkan negara sendiri.

"Bagi mereka ini, perkara terpenting ialah bersedia untuk berperang dan mati syahid dan mendapat satu tempat di syurga," katanya ketika berucap dalam mesyuarat dengan cendekiawan dan profesional Islam, di sini malam ini.

Perdana Menteri berkata, sejarah menunjukkan kontroversi agama hanya menyebabkan kemunduran

“**Kita percaya, jika kita dapat membina sebuah negara Islam yang rasional, cekap dalam pentadbiran, sains dan teknologi, perdagangan dan industri, stabil dalam politik, sosial dan agama, kita dapat mengemukakan wajah sebenar Islam. Inilah jihad kita.**”

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD

sesebuah negara Islam yang cuba mempertahankan diri menerusi ilmu pengetahuan.

Beliau memberi contoh bagaimana dasar Pas mengkafir kerajaan Barisan Nasional pimpinan Umno menyebabkan percakaran sesama umat Islam dan pergerakan al-Maunah yang menyelewengkan tafsiran jihad.

"Kumpulan al-Maunah yang baru-baru ini cuba melakukan pemberontakan bersenjata bagi menggulingkan kerajaan adalah pergerakan serpihan sebuah parti Islam dan mereka percaya kerajaan kafir mesti digulingkan menerusi kekerasan," katanya.

Oleh kerana umat Islam terlalu sibuk dengan perbincangan yang tidak habis-habis, negara menjadi mundur dan umat Islam ketinggalan berbanding orang bukan Islam.

"Apabila era perindustrian tiba, kita tidak langsung menyedarinya hingga tidak cuba berubah dan mengambil peluang daripada

danya untuk mengekalkan pembangunan.

"Sekarang kita dapati mereka sudah memasuki era teknologi maklumat. Kini, kita tidak dapat bersembunyi di sebalik sempadan, menghalang aliran masuk modal, perniagaan dan maklumat," kata Dr Mahathir.

Beliau percaya, Malaysia boleh berbangga kerana kerajaan yang diterajui pemimpin Islam cuba membangunkan negara dan agama sesuai dengan kehendak semasa.

"Pemimpin bukan Islam di Malaysia tidak menentang kami kerana kami menunjukkan bahawa kerajaan Islam boleh berlaku adil kepada kaum bukan Islam tanpa melanggar ajaran Islam.

"Kami berharap dapat menunjukkan sedikit sebanyak kepada orang Islam dan negara Islam laluan terbaik kepada kebangkitan Islam. Kami berharap, kejayaan kecil kami diiktiraf dan digunakan sebagai model," katanya.